

MPKK bersama anda

# Buletin MPKK

MAJLIS PERBANDARAN KULIM

مجلس قريتنا اري كولين




BIL 01/2011

Naskah : Percuma  
Boleh dilayari: [www.mpkk.gov.my/web/guest/buletin](http://www.mpkk.gov.my/web/guest/buletin)

## Kulim Sejahtera

- Bersih, Indah, Maju dan Selamat -



### Menarik di dalam

- Kulim Sejahtera - Bersih, Indah, Maju dan Selamat
- Transformasi MPKK
- Pembudayaan INOVASI
- Pelancaran Kaunter Perkhidmatan Pelanggan
- Rancangan Strategik MPKK
- Local Agenda 21

Integriti, Cepat & Berkualiti Ke Arah Kecemerlangan

# SIDANG PENGARANG

Penasihat  
En. Harun Bin Jasin  
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulim

Ketua Pengarang  
Pn. Hasnita Bt Mohd Hashim

Timbalan Ketua Pengarang  
En Hamzah bin Ab Halim

Sidang Pengarang  
En. Mohd Syarizal b Ishak  
En. Halimin b Lahaming  
En. Abdul Kamal b Md Isa

Grafik/Jurugambar  
Pn. Zuraida Bt Durani

Pejabat :  
*Majlis Perbandaran Kulim*  
*No 104-120, Lorong Kota Kenari 5/1,*  
*Kota Kenari, 09000 Kulim, Kedah D.Aman.*  
*Telefon : 04-4905664/4907526/4906522*  
*Fax : 04-4901443*  
*laman web: www.mpkk.gov.my*  
*laman aduan: e-aduan.mpkk.gov.my*  
*emel : info@mpkk.gov.my*

Kami mengalu-alukan sumbangan artikel,  
cadangan atau komen anda.


Sila hantarkan sumbangan anda kepada:  
Unit Penerbitan,  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Majlis Perbandaran Kulim



Edisi 01/2010



Edisi 02/2010



## Perutusan Tuan Yang Dipertua

Syukur ke hadrat illahi dengan limpah dan kurnianya,  
Buletin Bil 01/2011 telah diterbitkan.

Pemaparan rencana di dalam buletin telah memberi tumpuan kepada impak yang telah dihasilkan melalui program transformasi yang telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kulim. Pelbagai program transformasi telah digerakkan melalui perubahan yang menyeluruh terhadap pengurusan sumber manusia, kewangan, organisasi dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang melampaui ekspetasi pelanggan.

Dalam usaha merealisasikan perubahan ini, penerapan dan penghayatan dasar-dasar korporat telah dijadikan agenda tetap dalam setiap bengkel dan kursus yang telah dikendalikan oleh pihak pengurusan Majlis Perbandaran Kulim kepada semua anggotanya.

Pengukuran impak ke atas program transformasi ini melibatkan tempoh 10 bulan bermula dari 15 Februari 2010 sehingga 15 Disember 2010.

## Galeri 2010



# “KULIM SEJAHTERA”

## - Bersih, Indah, Maju dan Selamat -

MPKK telah menetapkan Misi, Ke Arah Kulim Sejahtera - Bersih, Indah, Maju Dan Selamat. Misi ini memberi fokus kepada usaha bagi meningkatkan kebersihan persekitaran, kediaman, perniagaan, taman-taman awam, parit dan longkang, rumput dan pembersihan sampah. Penekanan juga diberi kepada aspek pengindahan dan pencahayaan bandar. Tumpuan juga turut diberi kepada penanaman pokok teduhan, pengindahan taman-taman awam, landskap Jalan Protokol dan Jalan Utama juga sekitar taman-taman perumahan.

MPKK juga mensasarkan Kulim sebagai sebuah Bandar Maju dengan pelbagai kemudahan asas dan kemudahan awam untuk kemudahan penduduk tempatan dan pelancong. Tumpuan diberi kepada pembangunan kawasan lapang, taman-taman permainan, taman awam, kemudahan tempat letak kereta dan ruang pejalan kaki disamping usaha-usaha memajukan kegiatan perniagaan, perdagangan dan perindustrian. Dalam usaha ini, tumpuan turut diberi kepada penyediaan ruang-ruang untuk kegiatan ekonomi, mempercepatkan proses kelulusan bangunan dan lesen perniagaan. Kesejahteraan penduduk dan pengunjung tidak sempurna jika ini tidak dipertingkatkan.



Tuan Yang Dipertua sedang memberi taklimat pelaksanaan Misi Kulim Sejahtera kepada pegawai-pegawai kanan MPKK.



Kerja-kerja pembersihan longkang oleh anggota Bahagian Landskap



Kerja-kerja pemotongan rumput oleh anggota Bahagian Kawalan Kebersihan MPKK



Sehubungan itu, usaha-usaha menyediakan kemudahan-kemudahan seperti pemasangan lampu, lalu lintas, pejalan kaki penutupan parit dan longkang, sistem lalulintas, pemasangan cctv, diadakan di seluruh kawasan perniagaan dan kediaman. Ini selaras dengan dasar dan program Bandar Selamat yang sedang dilaksanakan. Bagi mencapai visi dan misi ini beberapa pelan strategik telah digubal meliputi beberapa aspek kritikal. Antara strategik utama yang ditekankan ialah pelaksanaan Local Agenda 21 yang menekankan penglibatan seluruh lapisan masyarakat bagi menggerakkan pencapaian misi yang ditetapkan. Program turun padang melibatkan pihak pengurusan, Ahli Majlis, dan masyarakat telah dan sedang dilaksanakan diseluruh kawasan perbandaran. Pihak Majlis juga mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri, pemimpin tempatan dan juga pihak kementerian. MPKK mensasarkan Kulim menjadi bandar yang Sejahtera Bersih, Indah, Maju dan Selamat menjelang 2015.



Pencahayaan bandar Kulim



Kulim Bersih dan Indah

# “KULIM BANDAR BERSIH dan INDAH”



Bagi menggerakkan program menjadikan Kulim Bersih dan Indah, MPKK telah melancarkan Local Agenda 21 dibawah tema “Save The Nature For Future Generation”. Program ini menekankan kepada aspek pembersihan persekitaran dan keindahan kawasan. Tumpuan utama pembersihan juga diberi kepada pembersihan parit dan longkang, Pembersihan sampah, taman perumahan, taman awam dan kawasan rekreasi, tempat-tempat perniagaan, tandas awam dan persekitaran bangunan.

Tumpuan pengindahan pula diberi kepada Jalan Protokol dan Jalan Utama, taman awam, kawasan perniagaan dan perindustrian taman perumahan. Aktiviti penanaman pokok teduhan, pemasangan lampu-lampu hiasan, dan penyediaan kemudahan perabot-perabot bandar dijalankan melalui usaha bersama antara Majlis, pemaju-pemaju, agensi-agensi kerajaan dan juga penduduk setempat. Gerakan juga diberi kepada premis-premis makanan dengan melaksanakan penggerdan premis makanan di seluruh Kulim.

# “KULIM BANDAR MAJU”

Kulim merupakan sebuah bandar strategik berasaskan kedudukannya yang berhampiran Pulau Pinang melalui lebuhtraya BKE, bersempadan dengan Negeri Perak, berdekatan dgn Sungai Petani. Dijangka jambatan kedua Pulau Pinang akan dibina dalam beberapa tahun terdekat. Taman Perindustrian Tinggi Kulim yang mengandungi industri berteknologi tinggi dari seluruh dunia berada di kawasan Kulim. Dengan jumlah penduduknya yang menghampiri 300,000 orang yang terdiri dari pelbagai kaum, Kulim dijangka akan menjadi sebuah bandar yang maju, berpotensi untuk pelabur dan pedagang-pedagang untuk datang ke Kulim.

Sehubungan itu, MPKK telah menyusun beberapa perancangan strategik dalam usaha meningkatkan pembangunan perdagangan, perindustrian, perniagaan dan kediaman yang menarik untuk diduduki dan dikunjungi. MPKK telah pun melaksanakan program lesen serta merta bagi menggalakkan dan memudahkan pelbagai pihak menjalankan aktiviti perniagaan Ruang-ruang perniagaan, perdagangan dan perindustrian telah dirancang dan dibangunkan bersama-sama pemaju swasta. Dasar-dasar mesra pelabur dan mesra penduduk mesra peniaga turut dilaksanakan oleh MPKK melalui pelbagai dasar-dasar Majlis. Kelulusan pelan pembangunan serta merta telah dilaksanakan. Bagi mengimbangi kemajuan perniagaan dan perindustrian, MPKK telah dan sedang memangunkan projek-



LANDMARK CENTRAL

projek kemudahan awam seperti taman wilayah, taman bandaran, pusat rekreasi dan sukan, ruang-ruang pejalan kaki, yang bersesuaian untuk pelbagai lapisan masyarakat. Bagi meningkatkan kerjasaman agensi kerajaan dan agensi swasta, dengan itu beberapa program dialog telah diatur. Antaranya, Dialog D'space dijalankan yang telah dibuat secara berkala dan turut melibatkan pelbagai lapisan kumpulan termasuk peniaga kecil.

# “KULIM BANDAR SELAMAT”

MPKK telah menubuhkan jawatankuasa Bandar Selamat yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua, Ahli Majlis, Pegawai Kanan Majlis dan pelbagai agensi kerajaan. Jawatankuasa ini bersidang setiap dua bulan sekali. Pelbagai agenda telah dibincangkan, antaranya program dan aktiviti bagi meningkatkan keselamatan bandar. Tumpuan program bandar selamat diberi kepada kawasan perdagangan, perindustrian, taman-taman kawasan rekreasi dan laluan awam. Kerjasama dan hubungan baik antara penduduk dan agensi menjadi teras dalam menjayakan program dan aktiviti bandar selamat. MPKK telah menggerakkan program Local Agenda 21 di bawah tema ‘Neighbourhood Watch’ bagi menyusun gerak kerja masyarakat dalam usaha mencegah jenayah dan gejala sosial di sekitar kawasan kediaman dan tempatan.



Tempat-tempat riadah selamat untuk dikunjungi



# PENGGUBALAN DASAR KORPORAT DAN PENJENAMAAN SEMULA MPKK

Penggubalan dasar dan penjenamaan semula MPKK telah dilaksanakan bermula Februari 2010 yang memberi fokus kepada hala tuju yang hendak dicapai untuk tempoh 5 tahun akan datang. Penerapan dasar-dasar korporat dan budaya kerja anggota telah merubah wajah MPKK di mata masyarakat, khususnya di Daerah Kulim.

Pembentukan Dasar Korporat ini adalah berasaskan kepada penglibatan semua peringkat antara pihak pengurusan dan kumpulan bawahan. Ia merupakan satu polisi bagi membentuk halatuju, garis panduan, nilai, tujuan dan komitmen anggota dalam usaha bersama bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan perjalanan pengurusan dan operasi MPKK ke arah menuju kecemerlangan.

Pembentukan dasar ini juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman, komitmen dan semangat berpasukan dikalangan anggota.

## VISI

Menjadi Peneraju Pengurusan Perbandaran Yang Dinamik, Berwawasan Dan Mapan Menjelang 2015

## DASAR KUALITI

Kami Komited Bagi Mencapai Visi Dan Misi Majlis Melalui Pendekatan Pengurusan Kualiti Menyeluruh, Penambahbaikan Yang Berterusan, Profesionalisma Kerja Yang Tinggi Serta Mematuhi Undang-undang, Peraturan Dan Dasar-Dasar Majlis Dalam Usaha Memberi Perkhidmatan Yang Terbaik Kepada Semua Pelanggan Pada Setiap Masa.

## TEMA PENGURUSAN

Integriti, Cepat dan Kualiti Ke Arah Kecemerlangan

## MISI

Meningkatkan Kebersihan, Keindahan, Kemajuan Dan Keselamatan Bandar Melalui Perancangan Pembangunan Yang Mapan, Pelaksanaan Projek Dan Program Strategik, Penglibatan Masyarakat Yang Menyeluruh Dan Tadbir Urus Yang Berkesan Demi Kesejahteraan Rakyat.

## FALSAFAH KORPORAT

Kami bekerja untuk membantu, mencari ilmu dan rezeki untuk ibadah

## WARNA KORPORAT

Identiti baru MPKK dengan penetapan warna **MERAH** sebagai warna korporat dapat dilihat pada bangunan, pakaian, kaunter serta logistik MPKK

## NILAI TERAS

- Menghargai Masa
- Mengutamakan Pelanggan
- Mengutamakan Kualiti

## NILAI SOKONGAN

- Amanah, Proaktif, Berilmu, Berdisiplin, Inovatif, Yakin, Sabar, Tekun, Keterbukaan, Berpasukan dan Prihatin

## DEMI MASA

"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu di dalam kerugian. Kecuali mereka yang beriman, beramal soleh dan berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran." (Al 'Asr 103: 1-3)



Pemakaian Pakaian korporat setiap hari Ahad.

# PROGRAM TRANSFORMASI MPKK



Tuan Yang Dipertua sedang mengendalikan salah satu bengkel Program Transformasi MPKK.

MPKK telah mengadakan program transformasi MPKK secara menyeluruh dan drastik dalam tempoh 6 bulan pertama tahun 2010. Program ini telah memberi fokus utama kepada pembangunan sumber manusia, kewangan dan teknologi maklumat. Penstrukturan semula organisasi dan penempatan anggota berdasarkan kepada “right person at right job”.



Kursus untuk meningkatkan tahap kecekapan bekerja anggota.

Program transformasi Sumber Manusia merupakan fokus utama dalam memastikan pencapaian kepada program transformasi MPKK. Penempatan dan penyusunan semula anggota mengikut struktur organisasi yang telah dirombak telah menghasilkan hierarki yang lebih jelas dan tepat.

Melalui program transformasi sumber manusia, pembangunan sumber manusia telah diberi perhatian serius oleh pihak pengurusan bagi memastikan produktiviti tinggi dihasilkan. MPKK telah memperuntukkan 3% hingga 4% daripada jumlah emolumen bagi program latihan kepada anggota setahun melalui belanjawannya. Pihak pengurusan yakin dengan peruntukan besar dan dengan adanya pelbagai insentif tersebut akan membantu meningkatkan motivasi dan produktiviti anggota MPKK.



Kursus juga meningkatkan tahap keyakinan individu yang tinggi





Transformasi kewangan merupakan agenda teras dalam pengurusan Majlis. Ia meliputi dua aspek utama iaitu meningkatkan kutipan hasil dan mengurangkan kos operasi. Dalam usaha meningkatkan hasil usaha-usaha dilakukan dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kutipan hasil cukai dan tunggakan cukai.

Usaha dilakukan juga bagi mengenalpasti sumber-sumber hasil baru serta meluaskan asas sumber hasil sediaada.

Tindakan penguatkuasaan dilakukan secara menyeluruh kepada punca-punca hasil seperti lesen perniagaan, kutipan parking, pembinaan bangunan tanpa kebenaran dan juga sewaan premis-premis Majlis. Usaha juga dilakukan bagi meningkatkan pelaburan hartanah secara usaha-sama dengan pihak swasta.

Dalam usaha mengurangkan kos koperasi, pihak Majlis memutuskan supaya kawal selia perbelanjaan diketatkan. Semua perbelanjaan perlu mendapat kelulusan Tuan Yang Dipertua, pembelian dan perolehan perlu dibuat melalui kaedah sebut harga. Setiap pembelian dan perbelanjaan perlu dibuat penilaian impak bagi memastikan hanya perbelanjaan yang perlu sahaja dibenarkan.



Keja-kerja penyelenggaraan dilakukan oleh Bahagian Penyelenggaraan, Jabatan Kejuruteraan, MPKK.

# Transformasi Kewangan



Bengkel pengurusan kewangan dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua, dan keahlian dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan MPKK.

Usaha juga dibuat bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dibuat secara dalaman.

Pihak Majlis telah mengambil tindakan penggantian logistiknya dengan pelupusan kenderaan-kenderaan usang, pembelian kenderaan-kenderaan baru telah dibuat. Ini dapat mengurangkan kos penyelenggaraan



Penanaman pokok tetuan di sepanjang Jalan Protokol dan Jalan Utama dilakukan sendiri oleh Bahagian Landskap, MPKK.

yang semakin meningkat. Usaha tambahan juga dilakukan dengan meningkatkan kerjasama pihak swasta dan masyarakat bagi bersama-sama mengambil peranan menyediakan kemudahan awam dan membantu usaha-usaha penyelenggaraan kemudahan awam. MPKK juga telah melaksanakan program latihan pengurusan kewangan kepada semua anggota bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Majlis.

Kesan daripada inisiatif ini MPKK berjaya menstabil dan memantapkan kewangan Majlis dengan meningkatkan jumlah simpanan tetap Majlis.





Transformasi kewangan merupakan agenda teras dalam pengurusan Majlis. Ia meliputi dua aspek utama iaitu meningkatkan kutipan hasil dan mengurangkan kos operasi. Dalam usaha meningkatkan hasil usaha-usaha dilakukan dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kutipan hasil cukai dan tunggakan cukai.

Usaha dilakukan juga bagi mengenalpasti sumber-sumber hasil baru serta meluaskan asas sumber hasil sediaada.

Tindakan penguatkuasaan dilakukan secara menyeluruh kepada punca-punca hasil seperti lesen perniagaan, kutipan parking, pembinaan bangunan tanpa kebenaran dan juga sewaan premis-premis Majlis. Usaha juga dilakukan bagi meningkatkan pelaburan hartanah secara usaha-sama dengan pihak swasta.

Dalam usaha mengurangkan kos koperasi, pihak Majlis memutuskan supaya kawal selia perbelanjaan diketatkan. Semua perbelanjaan perlu mendapat kelulusan Tuan Yang Dipertua, pembelian dan perolehan perlu dibuat melalui kaedah sebut harga. Setiap pembelian dan perbelanjaan perlu dibuat penilaian impak bagi memastikan hanya perbelanjaan yang perlu sahaja dibenarkan.



Keja-kerja penyelenggaraan dilakukan oleh Bahagian Penyelenggaraan, Jabatan Kejuruteraan, MPKK.

# Transformasi Kewangan



Bengkel pengurusan kewangan dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua, dan keahlian dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan MPKK.

Usaha juga dibuat bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dibuat secara dalaman.

Pihak Majlis telah mengambil tindakan penggantian logistiknya dengan pelupusan kenderaan-kenderaan usang, pembelian kenderaan-kenderaan baru telah dibuat. Ini dapat mengurangkan kos penyelenggaraan



Penanaman pokok tetuan di sepanjang Jalan Protokol dan Jalan Utama dilakukan sendiri oleh Bahagian Landskap, MPKK.

yang semakin meningkat. Usaha tambahan juga dilakukan dengan meningkatkan kerjasama pihak swasta dan masyarakat bagi bersama-sama mengambil peranan menyediakan kemudahan awam dan membantu usaha-usaha penyelenggaraan kemudahan awam. MPKK juga telah melaksanakan program latihan pengurusan kewangan kepada semua anggota bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Majlis.

Kesan daripada inisiatif ini MPKK berjaya menstabil dan memantapkan kewangan Majlis dengan meningkatkan jumlah simpanan tetap Majlis.







Program transformasi ICT mencakupi pelbagai perkhidmatan secara online antaranya e-Aduan bagi kemudahan penduduk Kulim dan dalam usaha MPKK memberi respon 24 jam bagi setiap aduan dilaksanakan. MPKK telah menerima penarafan 4 bintang oleh MDeC melalui penilaiannya kepada info dan kemudahan melalui laman web MPKK. Penampilan laman web yang lebih interaktif dan perkhidmatan secara online ditingkatkan akan memberi kesan yang lebih baik kepada MPKK dalam memastikan setiap info disalurkan kepada penduduk Kulim khususnya.



### Laman Web MPKK Berwajah Baru

Laman Web Majlis Perbandaran Kulim telah dilancarkan pada 15 Disember 2010 dengan penampilan yang lebih interaktif. MPKK telah berjaya mendapat penarafan 4 bintang melalui penilaian yang dibuat oleh MDeC dan dengan penampilan baru ini akan membantu MPKK mendapat penarafan 5 bintang. Laman Web MPKK telah diberi nafas baru dengan pelbagai perkhidmatan secara online diwujudkan seperti semakan transaksi cukai taksiran, lesen perniagaan, sewaan dewan/padang dan lesen online. Pelanggan boleh berinteraksi melalui forum LA 21 dimana aktiviti terkini boleh diperolehi dan pelanggan boleh mendaftar sebagai Rakan MPKK. Semua urusan laman web boleh dilayari di [www.mppkk.gov.my](http://www.mppkk.gov.my)



ICT merupakan salah satu fokus MPKK dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Beberapa perkhidmatan secara online telah diperkenalkan seperti JPJ online, aduan online, bayaran secara online dan beberapa perkhidmatan lain.

MPKK telah mengadakan kolaborasi bersama JPJ untuk memastikan penerima kompaun tegar disekat daripada memperbaharui cukai jalan dan sebagainya. Objektif utama MPKK ialah untuk memberi kesedaran kepada penerima kompaun tentang pentingnya mematuhi peraturan yang telah ditetapkan supaya kesejahteraan penduduk Kulim terjamin.

### ADUAN ONLINE

MPKK dalam usahanya memenuhi kehendak dan keperluan penduduk Kulim telah memastikan setiap aduan yang dikemukakan oleh pelanggan akan mendapat maklum balas dalam tempoh 24 jam. Maklum balas ini dapat meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan MPKK.

MPKK telah mengambil inisiatif menyediakan e-Aduan secara online kepada pelanggan untuk menyampaikan aduan mereka disamping datang ke pejabat atau melalui telefon. Pengadu boleh membuat semakan dari masa ke semasa ke atas aduan yang telah dikemukakan untuk mendapat maklum balas daripada MPKK.

Inisiatif ini telah membantu MPKK mengenalpasti masalah yang dikemukakan dan menyelesaikan masalah mengikut keperluan dan keutamaan. Hasilnya, MPKK dapat meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan dan seterusnya mengurangkan kadar aduan yang tinggi.



**MAJLIS PERBANDARAN KULIM**  
 No. 104 - 120, Lorong Kota Kenari 5/1, Kota Kenari, 09000 Kulim, Kedah Darul Aman.  
 Tel: 1 900 88 0428 | Faks: 04 490 1443  
 Email: [aduan@mpkk.gov.my](mailto:aduan@mpkk.gov.my) | Website: [www.mppkk.gov.my](http://www.mppkk.gov.my)



**e-Aduan MPKK**

- cepat
- mudah
- efektif

Login Pengguna

# “PENJENAMAAN SEMULA BANDAR”

MPKK telah merancang untuk membuat perubahan Bandar Kulim secara menyeluruh “City Rebranding” Bandar Kulim membantu orang ramai sedar akan kewujudan dasar-dasar korporat MPKK. Pelaksanaan “city rebranding” dibuat secara berperingkat bermula dari bulan April 2010.

Perancangan “City Rebranding” ini akan dapat meningkatkan dan memperkenalkan imej baru MPKK disamping menaikkan taraf pembangunan Bandar Kulim. MPKK telah memberi penekanan kepada

pelbagai aspek seperti pengindahan, pencahayaan, kebersihan, kemajuan dan keselamatan Bandar.

Penjenamaan Bandar Kulim telah memberi keutamaan di sepanjang jalan-jalan protokol dan jalan-jalan utama. Tumpuan ini akan mempercepatkan proses perubahan Bandar Kulim. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penanaman pokok-pokok teduhan seperti “foxs tail” dan pokok Eugene, pelaksanaan program pencahayaan dengan pemasangan lampu hiasan dan penamaan semula nama-nama jalan sekitar Bandar Kulim.

“City Rebranding” yang telah dilaksanakan oleh MPKK telah mendapat kesan positif khususnya penduduk Kulim dan pelancong dari luar Negeri Kedah. MPKK akan sentiasa memenuhi kehendak dan keperluan penduduk secara berterusan dan dengan sokongan padu penduduk Kulim “City Rebranding” dapat diperjelaskan dengan lebih cepat.



Penanaman pokok teduhan sepanjang Jalan Protokol dan Jalan Utama



Pemasangan lampu hiasan di sepanjang Jalan Protokol dan Jalan Utama



Penjenamaan semula jalan-jalan Utama



“UPTOWN Kulim”

Kelang Lama



“DATARAN PUTRA”

Jalan Pondok Labu

Tema "Pelanggan Keutamaan Kami" merupakan salah satu nilai teras MPKK dalam memberi perkhidmatan dan memenuhi kehendak rakyat. Transformasi MPKK telah memberi tumpuan dalam memastikan keselesaan dan kepuasan pelanggan dicapai.

30 Disember 2011, Majlis pelancaran telah diadakan dan dirasmikan oleh Encik Harun bin Jasin, Tuan Yang Dipertua MPKK. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Ahli-Ahli Majlis MPKK, pelanggan dan anggota MPKK. Beliau dalam ucapannya, menyatakan pembaharuan dan penambahbaikan ini sejajar dengan dasar-dasar korporat MPKK yang mana akan memberi impak yang besar kepada pelanggan dan penduduk Kulim khususnya. Imej warna turut diperjelaskan melalui bangunan, kenderaan dan pakaian korporat anggota.

Kaunter Perkhidmatan Pelanggan merupakan salah satu transformasi yang disediakan oleh MPKK kepada pelanggan yang mana penambahbaikan kaunter kepada imej korporat, bilik perbincangan, minuman, pakaian korporat dan beberapa kemudahan kepada OKU turut disediakan. Penambaaian secara berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan keperluan dan kehendak rakyat dapat dipenuhi dari masa ke semasa.

Hasil daripada tinjauan daripada beberapa pelanggan telah memberikan impak positif ke atas perubahan ini dan berharap ini dapat membantu MPKK mendekati diri kepada masyarakat Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan pada setiap Ahad minggu ke empat merupakan salah satu daripada pendekatan MPKK kepada penduduk Kulim.

# TRANSFORMASI PERKHIDMATAN PELANGGAN

## Majlis Pelancaran Kaunter Perkhidmatan Pelanggan



Tuan Yang Dipertua sedang menerangkan penambahbaikan Kaunter Perkhidmatan untuk kepuasan pelanggan.



Antara tetamu yang hadir, Ahli-ahli Majlis serta pelanggan yang berkunjung ke MPKK



- Hari Bertemu Pelanggan  
Tarikh : 27 Jun 2010  
Tempat : Dataran Usahawan,(Medan Citarasa)  
Kulim
- Hari Bertemu Pelanggan  
Tarikh : 25 Julai 2010  
Tempat : Dataran Usahawan,(Medan Citarasa)  
Kulim
- Hari Bertemu Pelanggan  
Tarikh : 31 Oktober 2010  
Tempat : Dataran Usahawan,(Medan Citarasa)  
Kulim
- Hari Bertemu Pelanggan  
Tarikh : 28 November 2010  
Tempat : Dataran Usahawan,(Medan Citarasa)  
Kulim
- Hari Bertemu Pelanggan  
Tarikh : 26 Disember 2010  
Tempat : Dewan Muadzam Shah,  
Politeknik Tuanku  
Sultanah Bahiyah



## HARI BERTEMU PELANGGAN 2010





Program Inovasi yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua dan dianggotai oleh Pegawai-pegawai kanan MPKK



Memupuk semangat kerja berpasukan.



Lab merupakan salah satu kaedah penyelesaian masalah.



Kumpulan KJK MPKK telah berjaya hingga ke peringkat Negeri Kedah



Pembentangan projek oleh salah seorang ahli Kumpulan Inovasi

# PEMBENTUKAN BUDAYA INOVASI

Dalam usaha meningkatkan keermelangan MPKK bagi mencapai Visi dan Misi yang ditetapkan, MPKK telah menggerakkan pelbagai program bagi meningkatkan budaya inovasi di kalangan anggota. MPKK telah menetapkan beberapa bidang kritikal iaitu pengurusan Kewangan, Sumber Manusia, ICT, Pelesenan, Kebersihan dan Pembangunan untuk digerakkan. Usaha-usaha kreatif dan inovatif bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan Majlis. Untuk itu, sebuah jawatankuasa pemandu telah dibentuk yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua dan keahliannya dianggotai oleh Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan Majlis bagi membentuk dasar dan merancang program-program inovasi yang akan dilaksanakan.

Beberapa fasilitator terdiri daripada pegawai kanan dilatih untuk menggerakkan pelaksanaan kumpulan inovasi.

Pendekatan makmal/lab yang terdiri dari ketua kumpulan dan beberapa ahli dari pelbagai bidang dipilih menganggotai kumpulan berkenaan. Kumpulan ini akan mengadakan mesyuarat dan perbincangan serta membuat analisis isu dan masalah. Kumpulan pengumpulan data dan mencari jalan langkah penyelesaian bagi isu-isu seperti berkenaan. Pihak MPKK juga turut menetapkan setiap Isnin minggu akhir dijadikan hari inovasi di mana kumpulan inovasi yang berkenaan akan membentangkan pencapaian kumpulan masing-masing.

Pihak MPKK juga telah menetapkan konvensyen inovasi peringkat Majlis diadakan pada 31 Oktober setiap tahun.

Kumpulan terpilih akan dicalonkan mewakili MPKK ke peringkat negeri. Pihak Majlis juga menyediakan insentif tertentu kepada kumpulan yang telah berjaya menghasilkan inovasi yang mempunyai impak besar kepada Majlis. Usaha-usaha inovasi ini diharapkan dapat menunjukkan budaya kerja berpasukan sikap kreatif dan inovatif dikalangan anggota serta membantu Majlis dalam usaha meningkatkan produktivi dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

# RANCANGAN STRATEGIK MPKK 2011-2015



*Bengkel Perancangan Strategik di adakan di Hotel Hydro, Pulau Pinang pada 22-24 April 2010 yang telah dihadiri oleh anggota pelbagai peringkat.*

Penggubalan Rancangan Strategik MPKK bagi tempoh 5 Tahun bermula 2011 hingga 2015 telah menggariskan LIMA (5) Objektif Strategik utama bagi mencapai Visi dan Misi MPKK sebagai peneraju pengurusan perbandaran yang Dinamik, berwawasan dan mapan menjelang 2015.

Kaedah penggubalan dibuat melalui pendekatan lab atau makmal yang diketuai sendiri oleh Encik Harun Bin Jasin, Tuan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulim Kedah Darul Aman.

Fokus kepada pencapaian MPKK untuk 5 tahun akan datang adalah berdasarkan kepada 5 objektif yang telah digariskan iaitu :

## 5 Objektif Strategik

**MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI MAJLIS**

**MEMPERKASA TADBIR URUS MAJLIS**

**MENINGKATKAN KOLABORASI STRATEGIK MAJLIS**

**MENINGKATKAN KUALITI HIDUP MASYARAKAT**

**MENINGKATKAN TAHAP EKONOMI MASYARAKAT**

### Objektif 1:

#### **Meningkatkan Keupayaan dan Kapasiti Majlis**

Anjakan paradigma melalui pelaksanaan program transformasi Majlis meliputi bidang pengurusan dan pembangunan sumber manusia, kecekapan pengurusan kewangan, penggunaan teknologi maklumat dan pembangunan Organisasi diharap dapat membantu melonjakkan lagi imej MPKK.



*Penerapan dan pembentangan Dasar-dasar Korporat oleh Tuan Yang Dipertua.*

**Objektif 2:****Memperkasa Tadbir Urus Majlis**

Pembentukan Budaya Korporat dan Pematuan dasar-dasar, prinsip dan peraturan yang ditetapkan. Budaya yang berteraskan integriti, cepat dan berkualiti bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan kepada pelanggan dapat dipenuhi dan ditingkatkan.



*Memastikan Bandar Kulim sentiasa dalam keadaan Bersih, Indah, Maju dan Selamat. Kesejahteraan adalah milik bersama.*

**Objektif 4:****Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat**

Pelaksanaan program di bawah Agenda Tempatan 21 (LA21) berdasarkan kepada pendekatan 4 tema utama iaitu:-

1. 'Save The Nature For Future Generation' (Selamatkan Alam Sekitar Untuk Generasi Masa Depan)
2. 'Neighbourhood Watch' (Keselamatan Kejiranan)
3. 'Healthy Living' (Kehidupan Sihat)
4. 'Caring Society' (Masyarakat Prihatin)



*Anggota MPKK sentiasa berkhidmat dengan MESRA, TEGAS dan ADIL*



*Pembangunan peniaga kecil, kelulusan lesen 24 jam*



*Acara senamrobik telah diadakan pada setiap hari Sabtu dan Ahad di Taman Tasik Putra, Kulim*

**Objektif 3:****Meningkatkan Kolaborasi Strategik Majlis**

Membentuk kolaborasi strategik di antara Majlis Perbandaran Kulim dengan agensi Kerajaan lain, pihak swasta, NGO, pembayar cukai, persatuan penduduk serta politik. Pelaksanaan ini lebih tertumpu kepada penyertaan rakyat di Daerah Kulim. Program Komuniti Mapan dengan menerapkan amalan pembangunan bermaksud komuniti menerima pakai cara hidup dan jalan pembangunan yang menghormati serta bertindak dalam lingkungan batasan semulajadi.

**Objektif 5:****Meningkatkan Tahap Ekonomi Masyarakat**

Dalam mencapai strategi ini MPKK mengamalkan prinsip mesra peniaga serta mengalu-alukan masyarakat menceburkan diri dalam bidang perniagaan serta menggalakkan pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di Daerah Kulim. Inovasi kelulusan lesen perniagaan dalam tempoh 24 jam diharap dapat membantu peniaga mendapatkan lesen dengan lebih cepat.

Perancangan dan Pembangunan yang terancang serta projek-projek strategik yang turut memberi Impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi tempatan turut dilaksanakan selaras hala tuju MPKK menjadikan Kulim Sejahtera, Bersih, Indah, Maju dan Selamat.



*Taman Tasik Putra yang bersih dan indah amat sesuai dijadikan tempat untuk beriadah*



*Mewujudkan aktiviti-aktiviti yang boleh melibatkan kolaborasi penduduk Kulim khususnya, Agensi Kerajaan, NGO's, JKK, JKPP dan sebagainya.*

Local Agenda 21



# LOCAL AGENDA 21

LA21 ialah suatu program untuk masyarakat, sektor swasta dan PBT (majlis, bandaraya, majlis perbandaran, perbandaran, majlis-majlis daerah, majlis bandar, lembaga bandaran, majlis tempatan, lembaga luar bandar) bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mapan.

Melalui LA21 masyarakat tempatan boleh melibatkan diri untuk mengenalpasti dan mengkaji isu-isu pembangunan mapan, membentuk pelan tindakan untuk menangani isu-isu tersebut dan melaksanakan pelan tindakan itu.

Pendekatan asas program ini ialah pendekatan bottom-up, atau dari akar umbi ke atas. Ini bermakna, penduduk-penduduk tempatan sendiri akan terlibat dalam menentukan pelan tindakan bagi kawasan masing-masing. Sebagai contoh, penduduk tempatan terlibat secara langsung mengenai perbincangan, bengkel atau aktiviti berkaitan dengan isu-isu tempatan.

Antara contoh isu yang boleh dibangkitkan adalah seperti isu banjir dan sistem perparitan, isu pencemaran alam sekitar, isu pengangkutan dan lalulintas, isu perumahan dan isu sosial dalam komuniti serta isu-isu lain.





# A3RC

-avoid, reduce, reuse, recycle, compost-



Program kitar semula anjuran MPKK dengan kerjasama KPKT, LA21, E-Idaman, JCI, LA21, Ahli Majlis MPKK pada 26 Disember 2010 bertempat di Dewan Mua'dzam Shah, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim.



Kitar semula ialah proses mengolah semula bahan buangan untuk menghasilkan barangan yang baru. Kitar semula mengurangkan bahan buangan, mengurangkan penggunaan bahan mentah baru, mengurangkan penggunaan tenaga, mengurangkan pencemaran udara (dari pembakaran), dan pencemaran air (dari tapak perlupusan) dan mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau berbanding penghasilan barang baru dari bahan mentah. Kitar semula adalah komponen utama bagi pengurusan bahan buangan moden dan komponen ketiga bagi "Pengurangan pembaziran, Guna semula, Kitar semula" hieraki buangan.

Peningkatan pembuangan sampah yang tidak terkawal oleh penduduk dan orang ramai telah memberi impak kepada alam sekitar dimana kesannya akan mengakibatkan pelbagai penyakit dan masalah pembuangan. Kawasan pembuangan sampah yang terhad menyebabkan tempat pembuangan tidak dapat menampung jumlah sampah yang melampau.

Justeru itu, MPKK mengambil pendekatan mengadakan program kitar semula di bawah LA 21 dalam memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan program kitar semula.

Beberapa pihak yang terdiri daripada NGO, agensi kerajaan dan swasta turut dijemput bagi merealisasikan program ini secara lebih efektif dan berterusan. Penggunaan beg kitar semula semakin popular di promosikan oleh Pasaraya Besar seperti Jusco, Giant, Tesco dan lain-lain. Usaha ini akan memberi kesan kepada orang ramai betapa pentingnya menjaga alam sekitar dan bagaimana proses kitar semula dilaksanakan. MPKK yakin dengan program seperti ini dapat menjalinkan hubungan dan kefahaman orang ramai tentang kepentingan program kitar semula.

# Program

## Cintai Sungai Sedim

Program Cintai Sungai Sedim diadakan pada 27 November 2010 bertempat di Pusat Rekreasi Arus Deras Sedim. Ianya ialah dilaksanakan secara usahasama antara pihak Majlis Perbandaran Kulim, Kulim Industrial Tenant Association (KITA) dan jawatankuasa Penduduk Kg. Sedim.

Program dimulakan dengan pendaftaran tamu yang hadir dan seterusnya aktiviti gotong-royong bermula antara jam 9.30 pagi hingga 11.00 pagi. Antara tetamu yang hadir adalah Pengerusi Kulim Industrial Tenant Association (KITA), Penghulu Mukim Sedim, Area Officer MPKK serta anggota Majlis Perbandaran Kulim, anggota Infineon dan penduduk setempat.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti gotong royong membersihkan kawasan sekitar, pemangkasan pokok, kutipan reba pokok, penamaan pokok, pemasangan 'signboard', pendidikan kesihatan persekitaran kepada kanak-kanak. Dianggarkan seramai lebih 500 orang telah hadir bagi menjayakan program ini.

Program tersebut telah dirasmikan oleh En. Lai Ka Tong, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Pemeliharaan Sungai/Tasik. Dalam ucapan, beliau membangkitkan bahawa pemeliharaan alam sekitar seperti sungai, tasik dan sebagainya adalah tanggungjawab bersama.

Majlis juga mengalu-alukan penglibatan pertubuhan NGO, Syarikat-syarikat Industri untuk sama-sama menjayakan program 'Save The Nature For Future Generation'.



Sekitar kawasan yang telah dibersihkan



Sebanyak 300 tan sampah hasil dari buangan pengunjung ke Sungai Sedim berjaya dikeluarkan.



Kerja-kerja pembersihan di dalam sungai turut dilakukan



Pegawai Perancang MPKK (kanan) bersama Area Officer (kiri) sedang merancang untuk menambahbaik kemudahan rekreasi di Pusat Rekreasi Sungai Sedim.

**"Sepakat Membawa Berkat"**



En Lai Ka Tong, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Pemeliharaan Sungai/Tasik merasmikan aktiviti tersebut

# Sudut MATA LENSA



Lantikan Ahli Majlis 2010/2011  
Tarikh : 2 Januari 2010



Penyerahan Tugas oleh Yang Dipertua Tuan Haji Fuzi bin Mohaidin kepada En. Harun bin Jasin.  
Tarikh : 15 Febuari 2010



"Golden Hand Shake" kepada En. Abdul Latiff bin Abdul Wahab  
Tarikh : 3 Jun 2010



Anugerah Perhidmatan Cemerlang  
Tarikh : 7 Julai 2010



Bengkel Belanjawan MPKK 2011  
Tarikh : 8-10 Julai 2010



Pertandingan Teh Tarik  
Tarikh : 25 Julai 2010



Bergambar bersama anak-anak yatim Perajurit, Kilang Lama.  
Tarikh : 24 Ogos 2010



Pertandingan Perahu Panjang di Alor Setar  
Tarikh : 26 Julai 2010



Majlis Bacaan Yasin sempena Ulang Tahun MPKK yang ke-10  
Tarikh : 30 Ogos 2010



Kulim Flora Fest  
Tarikh : 26 Oktober 2010

**Semulia-mulia manusia ialah orang yang mempunyai adab yang merendah diri ketika berkedudukan tinggi, memaaf ketika berdaya membalas dan bersikap adil ketika kuat.**

-Khalifah Abdul Malik Marwan-

# Kulim Inn

Destinasi penginapan anda



## "The Hill"

- berkonsepkan moden dan santai
- lokasi di atas bukit (pemandangan waktu pagi dan senja yg amat menarik)
  - menyajikan makanan 'Western' dan 'Oriental Cuisine'.
  - Pekerja yang mesra pelanggan
  - Amat menitikberatkan soal kualiti makanan.
  - Penyediaan makanan yang bersih

Beroperasi :  
7.00 pg - 12 mlm  
Tidak termasuk cuti AM

Halaman :  
The Hill Restaurant  
KULIM INN  
Telefon : 04 4900420